

## **KLWBC jadikan buku sebagai gaya hidup 2020**

**AstroAwani**

**26 Januari 2020**

**Zainal Rashid Ahmad,**

**Zainal Rashid Ahmad merupakan wartawan dan penulis sastera**

23 April ini Kuala Lumpur akan menyertai senarai 20 Ibu Kota Buku Dunia (WBC).

Satu titik sejarah yang meletakkan tahun 2020 sebagai tahun pemetaan Malaysia dalam peradaban ilmu dunia.

Madrid memulakan pergelaran WBC pada 2001. Sejak itu, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) membawa WBC ke 19 ibu kota di pelbagai benua.

Dari Madrid ke Alexandria (2002), New Delhi (2003), Anvers (2004), Montreal (2005), Turin (2006), Bogota (2007), Amsterdam(2008), Beirut (2009) dan Ljubljana (2010).

Kota Buenos Aires (2011), Erevan (2012), Bangkok (2013), Port Harcourt (2014), Incheon (2015), Wroclaw (2016), Conakry (2017 dan Athens (2018).

Sebelum arca WBC dipindahkan ke Kuala Lumpur, Sharjah menjadi tuan rumah bagi 2019.

Memang unik dan bersejarah kerana KLWBC menjadi ibu kota buku dunia ke-20 pada tahun 2020.

Kuala Lumpur berjaya membida undi anggota UNESCO dengan tema KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan.

Tema khas ini menjadikan peradaban membaca bukan semata-mata eksklusif untuk dunia ilmunan tetapi merunut, merakyat dan membumi ke akar umbi.

### **\* Cabaran KLWBC Merakyat dan Membumikan Buku**

Energi Kuala Lumpur dalam membudayakan buku dan baca memang ada pesona luar biasa.

Ketika bidaan dibuat pada 2018, kadar bacaan di Malaysia berada pada purata 1.7 muka surat sehari.

Malah, judul penerbitan buku sekitar 20,000 dan di bawah pengkadaran global iaitu 0.1 peratus penduduk.

Relatifnya, judul penerbitan Malaysia harus melepasi 30,000 judul setahun.

Namun, inilah magis Kuala Lumpur. Walaupun tabiat membaca rakyat Malaysia di bawah paras 15 buku setahun - UNESCO melihat parameter Malaysia berdasarkan iltizam dan potensi Kuala Lumpur melalui kempen bidaannya.

Sebagai negara muda peradaban berbukuan - Kuala Lumpur mewakili semangat luar biasa Malaysia untuk membudayakan buku dan ilmu sebagai gaya hidup masyarakat dan rakyat.

### **\* Apakah Magis Kuala Lumpur?**

Dengan slogan KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan - KLWBC akan merentas kesenjangan jurang ilmu, ekonomi dan kepelbagaian budaya Malaysia melalui kesatuan membaca.

Kuala Lumpur juga akan mengangkat agenda buku dan ilmu dalam pembangunan kota muda ini dengan infrastruktur mega, inklusiviti akses bacaan tanpa had, pengisian perbukuan dalam ledakan digital dan mengukuhkan pertumbuhan minda anak-anak dengan identiti membaca.

Melalui 300 acara yang diterajui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) serta 150 NGO pecinta buku - KLWBC akan menjadikan Kuala Lumpur dinyawai budaya membaca sepanjang 2020.

KLWBC akan membuka kalendar aktivitinya melalui Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada 27 Mac hingga 5 April di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Temasya warna-warni pembacaan akan terus bersemarak pada Festival KLWBC mulai 18 hingga 23 April di Dataran Merdeka dan lokasi Lembah Membaca di sekitar Kuala Lumpur.

Lebih 30 acara akan mengisi festival ini dengan kemuncak acara melalui majlis pelancaran pada 22 April.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan KLWBC dengan menerima Arca WBC dari wakil tuan rumah 2019, Sharjah.

Pementasan mega Legasi yang di Surat oleh DBKL dan pelancaran lagu tema Lagu Cinta Kuala Lumpur akan mengisi acara perasmian yang bermula pada pukul 9 malam.

Kemuncak acara pembukaan akan dilengkapkan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Samad dengan meletakkan penanda Arca WBC tepat jam 12.01 minit pada 23 April di Dataran Merdeka.

PNM akan melengkap festival perasmian ini dengan kempen Jom Baca pada pukul 11 hingga 11.10 minit pada 23 April.

Sebanyak 30 acara sepanjang festival akan disusuli pelbagai acara hingga April 2021.

Antaranya Festival Filem Pendek KLWBC, Sayembara Menulis Novel dan Puisi KLWBC, Pasar Buku KLWBC dan acara bulanan Korporat dan Rakyat Membaca.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/klwbc-jadikan-buku-sebagai-gaya-hidup-2020-229075>